

Remaja lelaki mengaku bersalah rogol teman wanita sehingga mengandung

KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 19 tahun mengaku bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan merogol teman wanita berusia 14 tahun, sehingga mangsa mengandung.

Tertuduh membuat pengakuan berkenaan selepas didakwa atas dua pertuduhan, masing-masing mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan yang dibacakan juru-bahasa mahkamah di hadapan Hakim Iris Awen Jon.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa pada dua malam berasingan, masing-masing pada bulan Mac dan Julai 2025, di dua kampung berasingan di Petra Jaya di sini.

Berdasarkan keterangan kes, ibu mangsa membawa mangsa ke klinik kesihatan pada 16 Disember 2025 bagi

tujuan pemeriksaan kesihatan, namun dia dimaklumkan oleh doktor bahawa anaknya disahkan mengandung selama 21 minggu dan empat hari.


Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 17 Disember 2025.

Siasatan lanjut mendapati keterangan mangsa dan tertuduh adalah konsisten iaitu mangsa mengaku hanya melakukan hubungan seks dengan tertuduh, sementara tertuduh turut mengaku telah melakukan perbuatan tersebut.

Sejurus pengakuan bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 22 Januari 2025 sebagai tarikh sebutan semula kes sementara menunggu laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mahkamah juga membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 (tidak didepositkan) berserta ibu bapanya sebagai penjamin.

Selain itu, tertuduh yang



TUNGGU LAPORAN SOSIAL: Tertuduh (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching selepas selesai sebutan kes, semalam.

merupakan pesalah muda itu diperintahkan supaya tidak mendekati mangsa dalam apa jua bentuk, termasuk melalui media sosial, sementara menunggu kes selesai.

Mahkamah menegaskan bahawa kegagalan mema-

tuhi syarat berkenaan akan menyebabkan jaminan tersebut dibatalkan serta-merta.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid manakala tertuduh tidak diwakili peguam.